

12 AUG 1999

PENDUDUK KAMPUNG BINCANG SAMBUTAN KEPULANGAN AZHAR

KANGAR, 12 Ogos (Bernama) -- Penduduk Kampung Padang Katong, tempat pelayar solo negara Datuk Azhar Mansor dibesarkan, akan mengadakan sambutan besar-besaran bagi menyambut kepulangan wira samudera itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung itu Taib Hassan berkata, beliau akan mendapatkan jadual kepulangan pelayar itu ke kampungnya serta berunding dengan keluarga Azhar bagi membolehkan sambutan besar-besaran di peringkat kampung itu diadakan.

Pelayar negara itu tiba di Pulau Langkawi semalam setelah 190 hari mengelilingi dunia secara solo. Ketibaannya disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ribuan orang.

Sementara itu, Datuk Emam Mohamed Shariff, pengerusi syarikat Gapadu yang membiayai pembelian peralatan kapal layar Jalur Gemilang dan juga misi membawa tiang layar gantian oleh Tentera Udara Diraja Malaysia ke kepulauan Falklands pada 8 Mei lepas, berkata beliau turut berbangga dengan kejayaan Azhar.

Katanya syarikat tidak mengharapkan apa-apa habuan daripada usaha Azhar sebaliknya bersetuju untuk membantu menjayakan hasrat murni pelayar negara.

"Saya tabik kepada Azhar kerana menunjukkan satu semangat keberanian yang luar biasa," katanya.

-- BERNAMA

RIS NH MAI